

# Allahyarham negarawan UM 30 MAY 1990 banyak berbakti pada negara — Dr. M

KUALA LUMPUR 29 Mei — Perdana Menteri, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menyifatkan Allahyarham Tun Hussein Onn sebagai seorang pemimpin dan negarawan yang telah banyak berkorban dan berbakti kepada negara.

Kegigihan dan bakti Allahyarham bukan sahaja disumbangkan ketika berada dalam kerajaan tetapi diteruskan walaupun selepas bersara, ujar beliau.

"Bagi pihak saya sendiri, saya telah banyak menerima nasihat, bimbingan serta pandangan daripada Allahyarham.

"Saya dan isteri saya merasa amat sedih dan terharu di atas kembalinya ke Rahmatullah bekas Perdana Menteri kita, Tun Hussein Onn," katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh

Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Tun Hussein meninggal dunia di Pusat Perubatan Seaton, San Francisco, Amerika Syarikat pada jam 7.15 pagi ini waktu Malaysia kerana sakit jantung.

Perdana Menteri berkata, sesungguhnya dengan kembalinya Allahyarham ke Rahmatullah, negara telah kehilangan seorang pemimpin dan negarawan kerana pengorbanan dan perjuangan Allahyarham dalam bidang politik dan pentadbiran merupakan sumber inspirasi dan teladan kepada rakyat.

Tambah Dato' Sri Dr. Mahathir, walaupun telah bersara Allahyarham masih meluangkan masa dan tenaga memberi buah fikiran serta pan-

**LIHAT MUKA 2**

## BANYAK BERBAKTI

dangan.

Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, sumbangan dan jasa Allahyarham kepada negara bukan sahaja terhad kepada bidang politik malah semenjak bersara daripada jawatan Perdana Menteri, Allahyarham masih mampu meluangkan masa sebagai Penasihat Petronas dan Pengerusi ISIS.

"Allahyarham juga pernah berkhidmat sebagai seorang anggota tentera dan guaman.

"Sesungguhnya sumbangan tersebut tidak ternilai banyaknya kepada negara," jelas Perdana Menteri.

Bagi pihak kerajaan Perdana Menteri menyampaikan ucapan takziah kepada isteri Allahyarham Tun Hussein, Toh Puan Suhailah, anak-anak serta ahli-ahli keluarga Allahyarham di atas kehilangan ini.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata beliau berharap mereka bersabar serta tenang dalam menghadapi saat-saat kesedihan ini.

"Saya berdoa semoga roh Allahyarham sentiasa dicucuri rahmat dan ditempatkan di sisi orang-orang yang mulia," kata Dato' Sri Dr. Mahathir.